

UMS terima 2,432 pelajar baru

Oleh WAN NORAZAH
WAN CHIK

KOTA KINABALU 20 Mei — Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menerima kemasukan 2,432 orang pelajar baru termasuk pelajar matrikulasi untuk sesi pengajian 1998/99 yang akan bermula pada 23 Mei ini.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Abu Hassan Othman berkata, daripada jumlah tersebut, sebanyak 752 pelajar akan menduduki program pe-

ngajian matrikulasi sementara 1,680 pelajar akan memulakan sesi tahun pertama dalam pelbagai kursus pengajian.

Menurutnya, jumlah tersebut merupakan penambahan hampir 100 peratus daripada tawaran kemasukan pada sesi 1997/98 lalu iaitu hanya 1,290 termasuk 556 pelajar matrikulasi.

Katanya, kesemua 1,680 pelajar tahun satu berkenaan akan ditempatkan di lapan buah sekolah iaitu Sekolah Sains dan Teknologi sebanyak 480 pelajar, Sekolah Ke-

juruteraan dan Teknologi Maklumat (285), Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (80) dan Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (110).

Selain itu, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (132), Sekolah Sains Sosial (204), Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (275) dan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (114).

"Kemasukan pelajar tahun satu kali ini merupakan yang paling besar berbanding hanya 734 pada sesi 1997/98 dan 433 pelajar (sesi 1996/97) ser-

ta 205 (1995/96) yang menjadikan jumlah keseluruhan pelajar ijazah pertama di UMS ialah 3,052 orang kesemuanya," katanya.

Dr. Abu Hassan berkata demikian kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) di antara UMS dan Institut Pelancongan Borneo (BTI) di sebuah hotel terkemuka di sini hari ini.

Perjanjian yang disaksikan oleh Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar Sabah, Tan Sri Bernard Dompok itu, ditandatangani

oleh Dr. Abu Hassan sebagai wakil UMS dan Pengarah Pembangunan Kursus BTI, Danny Chew.

Menurutnya, kemasukan bagi matrikulasi pada tahun ini juga menunjukkan peningkatan sebanyak 196 pelajar daripada 556 pelajar pada sesi 1997/98 kepada 752 pada sesi ini.

"Termasuk sesi ini, sebanyak 2,040 pelajar matrikulasi telah diterima di universiti ini termasuk 489 (sesi 1996/97) dan 243 (sesi 1995/96)," tambahnya.